



KENYATAAN MEDIA TIMBALAN PERDANA MENTERI

KERANGKA PELAN TINDAKAN DASAR SOSIAL NEGARA (PTDSN) 2026 – 2030 UNTUK MENANGANI ISU SOSIAL

Hari ini, saya telah menyempurnakan pelancaran **Kerangka Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara (PTDSN) 2026–2030**, satu dokumen strategik yang mencerminkan komitmen kerajaan untuk membawa **nilai baharu** dalam memperkukuh kesejahteraan sosial serta ketahanan negara. Pelan ini dibangunkan melalui kolaborasi menyeluruh antara kementerian-kementerian Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta dan komuniti selaras dengan pendekatan **Whole of Government** dan **Whole of Nation**.

PTDSN 2026–2030 digerakkan berdasarkan **empat teras utama Dasar Sosial Negara 2030**, meliputi **17 bidang keutamaan, 17 strategi dan 102 inisiatif**, dengan penglibatan 32 kementerian dan agensi. Pendekatan ini memastikan setiap intervensi bukan sahaja bersifat responsif, tetapi turut membawa nilai baharu melalui dasar yang lebih inklusif, mampan dan berteraskan prinsip kemanusiaan.

Saya ingin menegaskan bahawa ukuran pembangunan negara tidak wajar hanya bergantung pada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata. Nilai baharu yang diketengahkan melalui dasar ini menuntut penilaian yang lebih menyeluruh, termasuk petunjuk sosial, agihan ekonomi yang saksama dan akses kepada peluang yang adil bagi semua rakyat.

Dalam konteks ini, **Majlis Sosial Negara** memainkan peranan penting sebagai mekanisme tadbir urus untuk memastikan penekanan terhadap kesejahteraan sosial diterjemahkan dalam dasar makroekonomi merentas kementerian. Prinsip dasar yang membimbing pelan ini ialah **ketelusan, berasaskan keperluan, mampan serta menyokong pertumbuhan** yang menjadi asas penilaian bagi setiap intervensi yang dipertimbang.

Selain itu, inisiatif di bawah PTDSN turut memberi fokus kepada **anjakan minda**, termasuk memupuk sifat berdikari, inovasi dan daya tahan dalam kalangan rakyat. Inilah nilai baharu yang ingin dibudayakan di peringkat nasional untuk mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan dan

memperkukuh pembangunan sosioekonomi negara, sebagaimana digariskan dalam **Dasar Sosial Negara 2030**.

Dalam mesyuarat Majlis Sosial Negara kali ke-23 yang berlangsung hari ini juga, saya turut memberi perhatian kepada isu gelandangan yang menjadi satu indikator penting terhadap nilai kemanusiaan dalam masyarakat. Bagi tempoh 2021 hingga Mei 2025, **5,163 gelandangan** telah dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, namun kadar mereka kembali menjadi gelandangan kekal tinggi.

Sehubungan itu, mesyuarat menyambut baik syor KPWKM memperkukuh tadbir urus isu pengemis dan gelandangan melalui hala tuju baharu yang mengetengahkan **penggubalan satu akta baharu bagi menggantikan Akta Orang-Orang Papa 1977**. Pendekatan baharu ini menekankan takrifan yang lebih jelas, punca kuasa yang tersusun merentas agensi, serta keseimbangan antara intervensi pemulihan dan tindakan penguatkuasaan. Melalui struktur yang lebih holistik dan mekanisme penyelarasan yang diperkemas, usaha ini akan memastikan golongan rentan diberikan perlindungan yang lebih bermaruah, sementara komuniti dan pihak berkuasa diperkasa sebagai rakan pelaksana dalam menangani isu ini secara menyeluruh.

Mesyuarat juga meneliti isu kerugian besar akibat penipuan dalam talian yang kini menjadi ancaman serius terhadap keselamatan ekonomi negara. Sehingga April 2025, kerugian dicatatkan mencecah **RM799 juta**, sebahagian besarnya melibatkan skim pelaburan palsu, panggilan telefon dan aplikasi pesanan yang semakin canggih digunakan oleh penjenayah.

Laporan Polis Diraja Malaysia turut menunjukkan sebanyak **47,854 kes penipuan dalam talian** direkodkan sehingga September 2025 dengan jumlah kerugian **RM1.919 bilion**. Trend peningkatan ini menuntut pendekatan bersepadu dalam strategi pencegahan, termasuk pendidikan digital, pemantauan rentas agensi serta perlindungan pengguna yang lebih berkesan.

Saya berharap Majlis Sosial Negara dapat terus berperanan sebagai platform yang efektif dalam memperhalusi isu-isu sosial secara holistik. Semua agensi kerajaan perlu mengemukakan cadangan konstruktif berasaskan nilai baharu demi memperkukuh pembangunan sosial negara yang inklusif dan menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri
Pengerusi Majlis Sosial Negara

4 Disember 2025